

# **NAMA INOVASI : Sistem Pengurusan Tempahan Rumah Rehat MARA (e-Rehat) KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

## **PENGENALAN**

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) adalah salah satu bahagian di bawah sektor Khidmat Pengurusan MARA yang dipertanggungjawabkan dalam memperluaskan kemudahan ICT kepada seluruh komuniti organisasi MARA dalam mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan ICT melalui satu gerbang capaian. BTM juga memberi perkhidmatan bantuan teknikal kepada pengguna kemudahan ICT MARA dan merancang, membangun serta menyelenggara infrastruktur bagi memudahkan pertukaran dan perkongsian maklumat.

Manakala, Bahagian Aset dan Perolehan MARA (BAP) adalah Bahagian yang bertanggungjawab di dalam menguruskan perolehan serta pembelian aset MARA termasuklah rumah-rumah rehat MARA di seluruh negara. MARA mempunyai 44 unit rumah rehat di 13 lokasi berbeza yang boleh disewa kepada kakitangan MARA.

## **LAPORAN INOVASI**

### Tujuan Projek Inovasi

Sistem e-Rehat adalah untuk mewujudkan satu sistem pengurusan tempahan rumah rehat yang lebih sistematik dan efisien kepada PMN/PMD yang menguruskan rumah rehat. Sistem ini dapat mengurangkan kebergantungan kepada kakitangan PMN/PMD di dalam menguruskan sebarang pertanyaan mengenai rumah rehat dan memudahkan pemantauan oleh BAP di dalam pengurusan rumah rehat yang berada di sembilan buah negeri di seluruh Malaysia.

### Proses Pelaksanaan Inovasi

Sistem Pengurusan Tempahan Rumah Rehat MARA (e-Rehat) adalah sebuah sistem yang dibangunkan bagi kegunaan warga kerja MARA membuat penempahan rumah rehat secara *online*. Selain itu, ia juga membantu pengurusan tempahan bagi semua pentadbir rumah rehat di Pejabat MARA Negeri/Daerah (PMN/PMD) di bawah seliaan Bahagian Aset dan Perolehan (BAP). Inovasi ini telah dibangunkan bermula pada bulan April 2014 hingga dilaksanakan sepenuhnya pada 7 November 2014.

### Proses **sebelum** dan **selepas**

#### Proses sebelum

Kaedah manual dalam proses tempahan rumah rehat MARA sedia ada seperti berikut :-

- (i) Pertanyaan ketersediaan (*availability*) rumah rehat – pemohon perlu menelefon pentadbir rumah rehat di PMN atau PMD terlibat bagi mengetahui status rumah rehat pada tarikh yang dikehendaki;
- (ii) Kaedah merekod tempahan rumah rehat – pentadbir perlu merekod tempahan secara manual di buku log yang tidak standard mengikut inisiatif masing-masing;
- (iii) Pengurusan tempahan rumah rehat – setiap permohonan dan bukti pembayaran yang diterima adalah melalui borang yang difaks. Surat tawaran juga perlu difaks semula kepada pemohon apabila permohonan diluluskan; dan
- (iv) Integriti & Birokrasi – pentadbir bagi setiap rumah rehat mempunyai kuasa untuk meluluskan atau tidak meluluskan tempahan rumah rehat.

#### ● Proses selepas

Skop Sistem e-Rehat ini ialah menyediakan kemudahan secara menyeluruh mengenai pengurusan rumah rehat daripada segi pengawalan tempahan rumah rehat MARA. Pihak PMN/PMD yang terlibat serta BAP dapat memantau ketersediaan serta rekod tempahan rumah rehat sepanjang tahun dengan lebih efisien. Kakitangan MARA akan lebih mudah menyemak ketersediaan rumah rehat tanpa perlu menelefon PMN/PMD yang terlibat dan meningkatkan kecekapan serta menjimatkan masa dalam pengurusan rumah rehat MARA.

#### ✚ Eleman Penurunan Kuasa

☀ Tiada.

#### ✚ Impak Inovasi Terhadap Kumpulan Sasar/Perkhidmatan/Jabatan/Agensi/Negera:

##### ☀ Elemen Inovatif/Kreativiti

Aplikasi ini merupakan kemudahan berkomputer di atas talian yang boleh diakses dengan menggunakan web melalui Internet atau Intranet. Penggunaan sistem di atas talian ini memudahkan warga kerja MARA untuk membuat tempahan rumah rehat MARA dari mana-mana tempat dan bila-bila masa sahaja.

Pentadbir juga tidak terikat dengan waktu pejabat di dalam menyemak dan meluluskan tempahan kerana mereka boleh melakukannya di mana sahaja termasuklah menggunakan peranti *smart phone*.

Rekabentuk antara mukanya yang bersifat mesra pengguna merupakan idea asal pembangun sistem ini sendiri. Aplikasi juga berkemampuan untuk memproses permohonan pengguna secara 'real-time' di mana pengguna

dapat mengetahui status permohonan sejurus permohonan diluluskan oleh pentadbir.

#### ☀ Elemen Keberkesanan

Sistem e-Rehat ini mampu untuk direplikasi kepada aplikasi mudah alih (*mobile apps*) oleh kerana struktur *Framework* yang digunapakai untuk sistem ini adalah tersedia bagi pelbagai *platform*.

Struktur sistem e-Rehat ini juga boleh diaplikasikan secara *customize* untuk Agensi lain di bawah KKLW bagi kegunaan tempahan rumah rehat di bawah seliaan Agensi berkenaan.

#### ☀ Elemen Signifikan

Inovasi ini mempunyai pelaksanaan kawalan ke atas tempahan melalui sistem yang dibangunkan dengan membolehkan pengguna dapat membuat tempahan secara *real-time*. Permohonan melalui sistem ini adalah berdasarkan '*First come first serve*'. Ini telah memudahkan dan mempercepatkan urusan semua warga MARA dan mengurangkan karenah birokrasi dalam pemilihan kakitangan untuk menginap di sesuatu rumah rehat dengan lebih telus dan adil.

Pentadbir rumah rehat juga tidak perlu lagi mengatur setiap permohonan bagi mengelakkan pertindihan tarikh kerana sistem ini berupaya untuk mengawal setiap tempahan supaya tidak bertindih tarikh di antara satu sama lain. Kawalan ini telah memudahkan pentadbir di dalam menguruskan tempahan rumah rehat.

#### ☀ Elemen Releven

Sistem e-Rehat yang dibangunkan ini membolehkan pengguna membuat semakan dan tempahan rumah rehat MARA secara *online*. Tempahan melalui *online* dapat menyalurkan maklumat dengan lebih cepat, selamat, tepat dan adil.

Pengguna yang membuat tempahan rumah rehat MARA melalui sistem ini dapat memuat naik salinan resit bayaran (imej) setelah permohonan dibuat. Surat tawaran akan dijana secara automatik oleh sistem sejurus pentadbir meluluskan permohonan dan pemohon boleh muat turun atau mencetak sendiri surat tawaran. Ini sekaligus dapat mempercepatkan tempoh pemprosesan sesuatu permohonan serta dapat mengurangkan penggunaan kertas dan dakwat di kedua-dua belah pihak; pemohon dan pentadbir.

Pembangunan sistem ini adalah secara *in-house* dan menggunakan teknologi *open-source* yang semakin berkembang dalam teknologi IT. Perkembangan

teknologi ini telah memberikan penjimatan kos dalam membangunkan sistem dengan menggunakan sumber pembangunan dalaman.

#### Pengiktiran

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Tempahan Rumah Rehat MARA (e-Rehat) di semua rumah rehar MARA di seluruh Malaysia.